



لِئَلَّا تُكْفَرَ عَنْكُمُ الرِّبَاةُ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ  
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

## F.A.Q IBADAH QURBAN ASNAF CARE LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

### 1- Apakah maksud ibadah qurban (udhhiyyah)?

Maksud ibadah qurban (udhhiyyah) ialah Binatang ternakan yang disembelih untuk mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala pada Hari Raya haji dan tiga hari Tasyri'.

### 2-Berapakah umur binatang yang sah dijadikan qurban?

Secara ringkasnya disenaraikan binatang qurban dan umurnya seperti berikut:

Unta 5 tahun, lembu 2 tahun, kerbau 2 tahun, kambing 2 tahun dan biri-biri setahun atau telah gugur gigi hadapannya sesudah ia berumur enam bulan.

### 3-Apakah hukum ibadah qurban?

Sunat muakkadah (sunat yang sangat dituntut).

### 4-Apakah fadhilat melaksanakan ibadah qurban?

- Penebus dosa kecuali dosa besar.
- Mendapat hasanah (kebajikan) bagi setiap bulu binatang korban.
- Mendapat kedudukan yang mulia di sisi Allah Ta'ala.
- Membentuk peribadi ikhlas, sabar, qana'ah (bersyukur), belas kasihan dan tolong menolong.
- Penyembuh penyakit: Rohani, fizikal, mental dan sosial.

### 5-Siapakah yang dikatakan orang yang mampu melakukan ibadah qurban?

Orang yang mempunyai lebih harta sebanyak nilai harga binatang qurban daripada keperluannya dan keperluan orang yang di bawah tanggungannya pada Hari Raya dan hari-hari Tasyri'.

## **6-Apa hukum orang mampu tetapi tidak mahu melaksanakan ibadah qurban?**

Makruh (tidak berdosa tetapi tidak disukai oleh Allah Ta'ala).

## **7-Bolehkah seekor binatang dikongsi oleh 2 atau lebih mudhahhi (orang yang ber qurban)?**

Kambing untuk seorang sahaja. Unta, kerbau dan lembu boleh dikongsi oleh 7 orang walaupun berlainan niat.

## **8-Bolehkah melakukan ibadah qurban di negeri lain?**

Dibolehkan selagi mana syarat dan kaedah perlaksaaannya diyakini tepat.

## **9-Bagaimana cara pembahagian daging qurban sunat?**

Harus dibahagikan kepada 3 bahagian:

- 1/3 fakir miskin,
- 1/3 Orang kaya dan
- 1/3 mudhahhi.(Peserta)

Tetapi yang afdhalnya ialah disedekahkan kesemuanya kepada orang yang layak atau diserahkan kepada LZNK untuk menguruskannya.

## **10-Apa hukum melaksanakan ibadah qurban bagi orang lain?**

- Tidak boleh bagi orang masih hidup kecuali dengan izinnya.
- Tidak boleh bagi orang yang meninggal dunia kecuali ada wasiat.

## **11. Bagaimana lafaz niat ibadah qurban?**

“Sahaja aku melakukan qurban sunat/ wajib/ nazar kerana Allah Taala”

## **12-Adakah boleh berwakil kepada wakil kedua untuk melaksanakan ibadah qurban dan bagaimana cara berwakil?**

Boleh, Mudhahhi (peserta) berkata kepada wakilnya: “Saya berwakil kepada tuan (LZNK) untuk menguruskan pembelian dan penyembelihan qurban sunat/wajib/nazar saya kerana Allah Taala”.

**13. Adakah boleh wakil berwakil lagi kepada wakil kedua dan bagaimana caranya?**

Boleh, Wakil mudahhi (peserta) berlafaz kepada wakil kedua: “Saya wakil pengurusan LZNK, diwakilkan oleh.....(nama peserta) untuk mewakilkan tuan.....(imam/amil) untuk menguruskan penyembelihan qurban sunat/wajib/nazar nya kerana Allah Taala”.

**14. Apakah hukumnya berkongsi wang dengan seorang kawan untuk membeli seekor kambing bagi tujuan qurban?**

Islam telah meletakkan syarat bahawa seekor kambing boleh dijadikan haiwan sembelihan qurban bagi satu kepala atau seorang sahaja, manakala mereka yang telah membeli seekor kambing bagi tujuan qurban dengan berkongsi wang, maka mereka hanya mendapat pahala perkongsian selagi mana penyembelihan belum berlaku kerana niat yang baik membeli seekor kambing bagi tujuan qurban, akan tetapi selepas penyembelihan haiwan tersebut, pahala itu hanya untuk orang yang di atas namanya haiwan qurban itu disembelih.

**15. Berapakah harga seekor lembu atau sebahagian lembu pada tahun ini?**

Berikut merupakan harga yang telah ditetapkan di LZNK :

Seekor lembu : RM 5,250.00 (7 bahagian)

1 Bahagian lembu : RM 750.00

Seekor Kambing : RM 900.00



لِسَانُكَ نِكَاحٌ لِيَوْمِ قَرَعِ وَالزُّلْفَةُ مَانِعٌ  
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

## F.A.Q IBADAH AQIQAH

### 1. Apa itu aqiqah?

Dari segi syara' : Binatang yang disembelih pada hari mencukur rambut bayi. Rasulullah bersabda "setiap anak yang lahir itu terpelihara dengan aqiqahnya yang disembelih untuknya pada hari ke-7 (daripada hari kelahirannya), dicukur rambutnya dan diberi nama" – Riwayat Abu Daud, At Tarmizi Dan Ibnu Majah.

### 2. Kenapakah kena dilaksanakan aqiqah?

Disyariatkan oleh Rasulullah SAW "bayi tergadai dengan aqiqahnya." – Riwayat At-Tarmizi. Sebagai tanda ibu bapa mensyukuri nikmat mendapat anak. Ianya juga sunnah Rasulullah S.A.W.

### 3. Siapakah yang melaksanakan aqiqah?

Ibu bapa kepada yang mendapat anak.

### 4. Hukum aqiqah?

Sunat muakad – sunat yang sangat-sangat dituntut. Jika tidak dilaksanakan amatlah rugi.

### 5. Berapa aqiqah untuk anak lelaki & perempuan?

Yang terbaik untuk anak lelaki adalah 2 ekor kambing; Untuk anak perempuan seekor kambing sahaja.

### 6. Hari yang terbaik untuk melaksanakan aqiqah?

Sebaiknya dilaksanakan pada hari ke 7 mengikut sunnah rasullah atau 14 atau 21 atau selagi dia belum baligh.

**7. Sekiranya ibu bapa tidak mampu melaksanakan aqiqah untuk saya dahulu, bolehkah saya buat untuk diri saya sendiri walaupun saya sudah besar dan sudah bekerja?**

Boleh dan sekiranya mereka sudah meninggal, anda boleh melaksanakan sendiri kerana Rasulullah SAW sendiri melaksanakan aqiqah untuk diri baginda sendiri selepas baginda diangkat menjadi rasul.

**8. Adakah memadai niat diatas kertas atau online sahaja?**

Ya. Memadai akad melalui kertas atau online dan dikira sah kerana perwakilan dari satu pihak ke pihak yang lain jelas dinyatakan.

**9. Berapakah harga sebahagian lembu atau seekor kambing pada tahun ini?**

Berikut merupakan harga yang telah ditetapkan di LZNK :

1 Bahagian lembu : RM 750.00

Seekor Kambing : RM 900.00



لِجَاءِ تَرْكَاتِهِ قَرِيْبٍ وَرِزْقٍ  
LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH DARUL AMAN

## FAQ PENGURUSAN KORBAN & AQIQAH MELALUI ASNAFCARE LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

### 1. Dimanakah LZNK akan melaksanakan ibadah qurban?

LZNK akan melaksanakan ibadah qurban dan akikah ini dalam negeri kedah. Binatang qurban ini akan diberikan kepada seluruh masjid dalam negeri kedah untuk diuruskan penyembelihan dan pengagihan kepada asnaf fakir dan miskin.

### 2. Berapakah harga untuk menyertai qurban atau aqiqah di LZNK?

Berikut merupakan harga yang telah ditetapkan di LZNK :

Seekor lembu : RM 5,250.00 (7 bahagian)

1 Bahagian lembu : RM 750.00

Seekor Kambing : RM 900.00

Baki wang penyertaan akan digunakan untuk urusan yang berkaitan dengan ibadah ini.

### 3. Bagaimanakah cara penyertaan dan pembayaran dibuat?

Boleh layari laman web kami di <https://asnafcare.com.my/>

### 4. Bagaimanakah untuk menghubungi pihak LZNK jika terdapat sebarang pertanyaan?

Sila hubungi atau whatsapp sebarang pertanyaan di talian 019-596 2155 atau 04-731 1740 (Jabatan Agihan Dan Pembagunan Asnaf, LZNK).

### 5. Bagaimanakah cara bayaran dibuat?

Terdapat 2 kaedah bayaran iaitu melalui kaedah online banking di web <https://asnafcare.com.my/> atau terus ke mana-mana kaunter cawangan LZNK.

**6. Adakah resit rasmi akan dibuat sebagai bukti bayaran?**

Ya. Pihak LZNK akan menyediakan resit sebagai bukti bayaran dibuat.

**7. Adakah para peserta akan mendapat sijil?**

Ya. Peserta boleh memilih sijil samada bercetak atau e-sijil. Sijil bercetak akan dipos ke alamat peserta dalam tempoh 1 minggu selepas ibadah korban selesai, manakala e-sijil akan dihantar melalui Emel peserta.

**8. Adakah memadai akad melalui borang/ online sahaja?**

Ya. Memadai akad melalui kertas atau online dan dikira sah kerana perwakilan dari satu pihak ke pihak yang lain jelas dinyatakan.